

Sambut Ramadan dengan salam perpaduan



**NOOR MOHAMAD
SHAKIL HAMEED**

TIDAK berapa lama saja lagi kita akan memasuki bulan Ramadan dan tahun ini ke datangannya pada awal tahun berbanding tahun sebelumnya. Apa yang pasti kita wajar bersyukur kerana sekali lagi dapat menyambut bulan yang mulia ini dalam suasana yang tenang, aman dan selamat. Di samping pelbagai rahmat dan ganjaran yang dijanjikan pada bulan ini kepada seluruh umat Islam, Ramadan wajar dijadikan peluang terbaik untuk merapatkan hubungan silaturahim atas konsep persaudaraan dalam Islam. Salam perpaduan yang dimaksudkan adalah sesama umat Islam dan juga antara umat Islam dengan pengikut lain di negara ini.

Sebagai umat Islam kita wajar mengambil peluang ini untuk memperkuatkannya semula tali silaturahim sesama kita. Misalnya, walaupun majoriti rakyat negara ini terdiri daripada pengikut agama Islam namun hakikatnya terpisah menjadi kelompok-kelompok kecil mengikut ideologi politik, kefahaman dan pegangan masing-masing.

Ini berlaku kerana kegagalan menghayati konsep persaudaraan yang dibawa Islam sekali gus membuka ruang kepada orang lain untuk terus memecahbelahkan kita.

Justeru kedatangan bulan Ramadan ini wajar dijadikan platform terbaik untuk kembali memperkuatkannya hubungan persaudaraan sesama kita. Tidak boleh ada kompromi dalam soal ini kerana ini adalah perkara asas dan formula mujarab jika negara ini mahu terus maju ke hadapan. Perlu diingatkan hanya perpaduan dan kesepakatan mampu memelihara martabat orang Islam sekaligus menjamin dan mekekalkan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan di negara ini.

Cukup-cukuplah segala perbaikan dan persengketaan yang telah berlaku selama ini. Marilah kita merapatkan saf atas nama Islam disaksikan bulan Ramadan yang mulia ini sebelum semuanya terlambat. Apa guna kita bercakap



tentang impian mencapai Wawasan 2020, mahu menjadi negara maju berpendapatan tinggi ataupun menggapai hasrat melalui Transformasi Nasional 2050 (TN50) andai umat Islam negara ini terus berkarangan dan tidak boleh bersatu.

Pokok pangkalnya perbezaan ideologi politik yang selama ini menjadi duri dalam daging perlu ditangani dengan bijak. Tidak salah untuk berbeza fahaman politik tetapi janganlah sampai bergaduh sesama kita dan juga membiarkan agama Islam diperlekehkan sewenang-wenangnya.

Ahli politik perlu lebih profesional dan belajar untuk membezakan ideologi politik dengan perpaduan dalam kalangan rakyat secara keseluruhannya. Justeru eloklah kesempatan dalam bulan yang mulia ini kita berpesan, memberi nasihat malah meminta kepada ahli politik di negara ini agar tidak mencemari Ramadan tahun ini dengan amalan politik kotor dan kebencian.

Besarlah harapan agar mereka akan mengambil peluang ini untuk bermuhasabah diri, memperbetulkan tindak-tanduk serta memperbaiki tingkah laku yang diamalkan selama ini yang seringkali diselubungi dengan pelbagai unsur caci, tohahan, penipuan, fitnah dan taktik kotor demi meraih secebis sokongan serta kuasa yang pastinya tidak akan kekal untuk selama-lamanya.

Tindak-tanduk seperti ini walau-

pun hanya membabitkan segelintir ahli politik namun akhirnya tetap akan mencemarkan keseluruhan institusi politik di negara kita. Malah mula mengikis tahap kepercayaan rakyat kepada mereka.

Perlu juga diingatkan betapa kita wajib memperlihatkan keindahan ajaran Islam itu kepada rakan-rakan daripada pengikut agama dan kaum lain supaya dapat terus mempertahankan kesucian, nama baik dan imej agama Islam. Malah kita juga perlu menjadi suri teladan kepada yang lain dalam konteks bagaimana untuk bersatu padu dan hidup bersaudara seperti yang digariskan dalam Islam.

Hakikatnya setiap seorang daripada kita perlu sedar tiada gunanya berbalah sesama sendiri jika akhirnya yang menang jadi arang dan yang kalah jadi abu. Dikhuatir anasir luar akan mengambil kesempatan atas kelemahan dan keretakan jambatan perpaduan dalam kalangan masyarakat untuk memecahbelahkan lagi rakyat seterusnya mencetuskan konflik yang berpanjangan.

Justeru sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan terdiri daripada berbilang agama dan bangsa, inilah masanya untuk memperbetulkan segala kesilapan yang telah dibuat sebelum ini serta memperbaiki kelemahan yang ada demi kesejahteraan masyarakat dan kemakmuran negara.

Untuk merealisasikan hasrat itu, terapkanlah budaya toleransi dan

SAMBUT ketibaan Ramadan dengan salam perpaduan bagi melindungi keharmonian bersama sejak 60 tahun yang lalu hasil kerjasama, permuaafakan dan pengorbanan barisan pejuang kemerdekaan.
- GAMBAR HIASAN/BERNAMA

bertolak ansur supaya kita boleh terima kelemahan orang dan meraih perbezaan yang ada.

Kita sudah hidup bersama seperti ini sejak 60 tahun yang lalu hasil kerjasama, permuaafakan dan pengorbanan barisan pejuang kemerdekaan terdahulu melalui pemeterian kontrak sosial yang kemudiannya diangkat sebagai Perlembagaan Persekutuan di samping panduan hidup melalui Rukun Negara. Jadi kenapa pada hari ini masih timbul pelbagai konflik antara kaum yang jelas boleh memberi kesan buruk yang dahsyat kepada kehidupan rakyat negara ini. Apakah kita masih belum mampu mengambil iktibar daripada peristiwa hitam tragedi 13 Mei 1969? Sama-sama kita fikirkannya.

Apapun bulan Ramadan adalah masa terbaik untuk memperbetulkan segala kepincangan yang ada ini. Jadi marilah ambil peluang ini untuk hulurkan salam perpaduan dan juga dengan rakan-rakan dari kaum lain agar dapat sama-sama mempertahankan jambatan perpaduan yang telah dibina oleh generasi terdahulu demi membina masa hadapan yang lebih gemilang. Hulurkan salam perpaduan dengan penuh ikhlas, berlapang dada dan berjiwa besar. Selamat Menyambut Ramadan Al-Mubarak.